

Restoran nasi kandar dikenakan 6 kompaun

DBKL periksa dua cawangan selepas video pekerja meludah ketika bungkus makanan jadi viral

Oleh Mohammad Khairil
Ashraf Mohd Khalid
khairil.ashraf@bh.com.my

Kuala Lumpur: Sebuah restoran nasi kandar terkemuka dikenakan kompaun oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) susulan video viral didakwa memaparkan seorang pekerja meludah ketika membungkus makanan pelanggan.

DBKL dalam satu hantaran di Facebooknya berkata, pemeriksaan dijalankan dan sebanyak enam kompaun dikeluarkan kepada dua cawangan nasi kandar itu.

“Hasil pemeriksaan, dua kompaun dikeluarkan kepada restoran di Publika kerana tidak memakai penutup kepala dan apron (UUK 7(1) UUK PM 1979)



Restoran nasi kandar terkemuka dikenakan kompaun oleh DBKL susulan video viral didakwa memaparkan seorang pekerja meludah ketika membungkus makanan pelanggan.

(Foto ihsan DBKL)

serta beberapa pekerja tidak mendapatkan suntikan typhoid (UUK 23(3)(b) UUK PPM (WPKL) 2016).

“Bagi restoran di Desa Sri Hartamas, empat kompaun dikeluarkan atas kesalahan tidak memakai penutup kepala dan apron (UUK 7(1) UUK PM 1979), sinki dapur yang tidak memasang alat perangkap minyak (UUK 15(1) UUK PPM (WPKL) 2016), lantai dapur yang didapati kotor dan berminyak (UUK

25(1)(b) UUK PPM (WPKL) 2016) dan bahan tepung yang diletakkan terus di atas lantai (UUK 33(3) UUK PPM (WPKL) 2016),” katanya.

Komited pastikan premis bersih

Mengulas lanjut, DBKL berkata, kedua-dua cawangan restoran nasi kandar itu adalah berlesen.

“DBKL komited untuk memastikan keselamatan dan kebersihan premis makanan di

Kuala Lumpur demi kesejahteraan pengguna.

“Operasi pemeriksaan premis sentiasa diadakan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama, DBKL juga memantau aduan orang ramai mengenai isu kebersihan,” katanya.

DBKL turut menggesa semua pihak untuk melaporkan terus kepada mereka bagi sebarang isu kebersihan di premis makanan.